

NO SOALAN :80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2016

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. berapakah jumlah hutang sebenarnya dengan IPIC; dan
- b. apakah sebabnya 1MDB tidak mampu membayar faedah USD50 juta ke atas pinjaman yang ia lakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah yang dituntut oleh IPIC adalah sebanyak USD1.1 bilion. Namun demikian, terdapat pertikaian di antara pihak 1MDB dan IPIC yang bukan sahaja ke atas jumlah tersebut malah ke atas

tanggungjawab pembayaran faedah dan prinsipal bon yang diterbitkan oleh 1MDB Energy Langat Ltd (USD1.75 bilion) dan 1MDB Energy Limited (USD1.75 bilion).

Pada masa ini, pihak 1MDB sedang mengkaji dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk membuktikan bahawa pihak IPIC dan Aabar Investments PJS bertanggungjawab ke atas dana yang telah dibayar oleh 1MDB kepada Aabar BVI berjumlah USD3.5 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

1MDB mempunyai dana sebanyak RM2.3 bilion dan mampu untuk membayar faedah sebanyak USD50.3 juta. Namun demikian, 1MDB tidak membuat pembayaran tersebut disebabkan oleh pertikaian dengan pihak IPIC.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak IPIC telah menjelaskan pembayaran faedah tersebut di bawah peruntukan Jaminan IPIC.